



KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN  
KERAJAAN TEMPATAN  
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
ARAS 2  
51 PERSIARAN PERDANA  
PRESINT 4,  
62100 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88915000  
Faks : 03-88915557  
Kawat : "MINRUMAH"  
http : //www.kpkt.gov.my  
E-mel : [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)  
Twitter : kpkt\_gov  
Facebook : Kementerian Perumahan dan  
Kerajaan Tempatan

---

Fail : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.42 ( )

Tarikh : Jun 2014

## SIARAN MEDIA

### **BUSKERS CORNER MENAMBAHKAN KECERIAAN TAMBATAN DIRAJA, KOTA BHARU**

**KOTA BHARU, 20 JUN 2014** – Kota Bharu tidak ketinggalan untuk dibangunkan tapak untuk aktiviti *busking* oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Tambatan Di Raja telah dipilih sebagai *Buskers Corner* (BC) dengan majlis pelancaran telah disempurnakan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

2. Melalui kerjasama strategik Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dengan pihak Kerajaan Negeri, PBT dan Malaysian Buskers Club (MYBC) telah dipersetujui diwujudkan 'My Buskers Corner' dalam 10 kawasan PBT terpilih yang bertujuan untuk menyediakan platform kepada warga bandar bagi menonjolkan seni kreatif mereka. Melalui penyediaan 'My Buskers Corner', PBT dapat mengawal aktiviti busking dan memastikan aktiviti yang dijalankan mematuhi peraturan yang telah ditetapkan bagi mengelakkan isu-isu berkaitan dengan kacau ganggu, masalah kebersihan dan keselamatan kepada orang awam.

3. Pemilihan bandar Kota Bharu adalah atas asas bahawa Kota Bharu ini terletak di kawasan yang strategik iaitu sebagai salah satu pintu masuk pelancong luar negara khususnya rakyat dari negara jiran, kepelbagaian seni tradisional serta keunikan bandar Kota Bharu yang tersendiri.

4. KPKT percaya kedudukan Kota Bharu sebagai destinasi percutian dan keunikannya pasti akan dapat menarik lebih ramai pelancong dengan pewujudan 'My Buskers Corner' ini. Tidak hanya tertumpu kepada alunan muzik-muzik moden dan barat, 'My Bukers Corner' ini juga diharap mampu untuk menghasilkan hiburan busking berbentuk kerohanian dan nilai-nilai Islam.

5. Pembangunan My Buskers Corner oleh KPKT di lokasi kondusif tumpuan orang ramai dengan objektif :

- Platform kepada warga tempatan khususnya golongan belia untuk mengembangkan bakat seni mereka secara langsung kepada masyarakat;
- Memperkenalkan BC kepada warga seni di bandar sebagai salah satu bentuk platform seni baharu bagi mengembangkan seni mereka secara sistematik dan berkesan;
- Mewar-warkan Program BC kepada masyarakat tempatan oleh KPKT; dan
- Membantu dalam menyumbang kepada pewujudan 'livable city' di seluruh negara melalui aktiviti seni jalanan.

6. Bandar Kota Bharu merupakan lokasi ke-lima 'My Buskers Corner' ini. Sehingga kini empat (4) 'My Buskers Corner' telah pun dilancarkan iaitu di Johor Bahru, Kuantan, Port Dickson dan Melaka Bandaraya Bersejarah.

7. Majlis pada malam ini diserikan dengan kehadiran YBhg. Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Ketua-Ketua Jabatan KPKT dan SUK Negeri Kelantan.

---

*Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman Dahlan. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pengurusan Strata dan Institut Latihan KPKT.*

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
 b.p. Ketua Setiausaha  
 Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555

Faks : 03-8891 5557

E-mel : [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)